

HADI FAYYADH

MENGINTAI AKU DI

**MERAKA**



BEST SELLER AUTHOR  
**Semusim Di  
Mahsyar**

BEST SELLER AUTHOR  
**Semusim Di  
Barzakh**

BEST SELLER AUTHOR  
**Ketika Azazel  
Berputus Asa**

MENGINTAI AKU DI

**MERAKA**

HADI FAYYADH

TEASER  
PERCUMA



Mengintai Aku Di  
**NERAKA**  
“ Berteduh dilangit yang hilang”

*TEASER Novel Mengintai Aku Di Neraka*  
Dari Penulis Best Seller Hadi Fayyadh  
*Semusim di Barzakh/Ketika Azzil Berputus Asa dan Semusim Di Mahsyar*

## *Sekilas Epilog*

“Ada yang memandang, silau matanya  
membakar jarak perjalanan .. Imbauan diri  
terperangkap di dalam dimensi masa yang  
berhenti .. “ Ah, Mengapa ? Cepat ..kau harus  
bergerak ... “ Adrenalin memercik, terus berlari  
meninggalkan denai yang semakin hilang ...  
Apakah itu Neraka yang digambar ?

“ Tidak?, kenapa? Kau Siapa ?”

**#mengintaiakudineraka**

*TEASER Novel Mengintai Aku Di Neraka*

Dari Penulis Best Seller Hadi Fayyadh

*Semusim di Barzakh/Ketika Azazil Berputus Asa dan Semusim Di Mahsyar*

## ..... ISI TAJUK .....

- 1 Dosa tidak akan pernah membahagiakan?
- 2 Kalau itu yang kau lihat, kau tak kan Maksiat.
3. Aib kau yang Tuhan telah sembunyikan.
4. Adakah Tuhan hanya untuk orang berduka?
5. Mengapa Susahnya nak berubah ?
6. Sikit-sikit 'touching', Lemahnya jiwa kau.
7. Mengapa memilih MurkaNYA, Jika MaghfirahNYA mengatasi segala.
8. Bahagiakah? Kalau asyik intai Nikmat orang?
9. Pernahkah jiwa kau terisi? Kosong bukan ?
10. Hitunglah.. Berapa kali kau tertipu dan menipu?
11. Jangan kerna hati kau mati.
12. Keadilan Allah itu dimana? Mampukah kau mengukurnya?
13. Pernah tak kau impikan Neraka tu bagaimana?
14. Mengintai aku di Neraka?
15. Hari ini kau diuji, bersabarlah menanti hikmahNYA.
16. Kasihanilah penduduk di Bumi, nescaya kau akan dikasihi penduduk di Langit.
17. Allah tidak pernah diam membiarkan kau derita.
18. Biarkan Allah merancang untukmu.

*TEASER Novel Mengintai Aku Di Neraka*

Dari Penulis Best Seller Hadi Fayyadh

*Semusim di Barzakh/Ketika Azazil Berputus Asa dan Semusim Di Mahsyar*

*Renunganku ...*

*“Berteduh Di Langit Yang Hilang”*

“Kau sangka-sangka, masih punya masa untuk Bertaubat, lalu kau meringankan Solat, kau seronok dengan mengumpat, fitnah kau jadikan tabiat, kau terjun dalam gelora maksiat, sehingga kau terlupa, bila-bila masa nyawa kau akan tersekat oleh sang Malaikat,

Apa adanya pada masa? Ia berjalan hanya kedepan, sedang kau masih termanggu di zaman silam. Menangis untuk kedukaan atas harapan kau yang hilang? Menanti atas puing cinta yang kau cuba hamparkan ? lalu, kemana sebenarnya arah tuju jiwa nafasmu? Syurga atau ke Neraka?

Mungkin, sebelah kaki kau kini telah berada di Neraka. Namamu, telah tertulis di pintu - pintunya. Masihkah punya waktu bercanda dengan dunia?

*Ketahuilah ....*

Kau sedang meniti diatas sebuah jambatan persinggahan, kau sedang sendirian melaluinya, bahagia, sedih, marah, risau, hampa, antara rasa jiwa yang terkadang kau sendiri sukar kendalikan.

Apapun rasa bahagia yang kau lakarkan, adakalanya sedih juga yang mencalar. Apapun rasa sedih yang membungkam terlalu dalam, terkadang ada juga rasa ceria setelah perit menghilang.

Laluan ke Syurga itu pahit lalui, namun ianya indah untuk ditatap dan dirasakan.

Neraka itu sedap untuk dijamah dan diratah, namun ianya terlalu pedih, saat kau terhumbam ke ruang paling jahannam.

Syurga menantimu dengan kesabaran, Neraka menantimu dengan kerakusan Nafsu yang menggoncang.

Aku dan kamu, kita akan bertemu. Syurgakah atau Nerakakah.

*Hadi Fayyadh*

# ..Persis Sinopsis..

MENGINTAI AKU DI NERAKA  
*"Berteduh Di Langit Yang Hilang"*

Aleeya Qistina, mengambil keputusan untuk membunuh diri dan terjun di atas tebing nan tinggi, sebagai protes terhadap cintanya yang kecundang. Namun, dia menemui kegagalan kerana ada sesuatu yang mengganguya saat itu. Apakah yang mengganguya dan kisah disebaliknya?

Maka, dia mengambil keputusan untuk Murtad daripada agama Islam, dan mulai hidup dengan budaya barat. Suatu ketika, dia mengambil keputusan untuk menjadikan kelab malam dan disko sebagai kiblatnya.

Ketika malam pertama dia mengunjunginya, dia disapa oleh seorang lelaki yang melecur separuh badan, dan kelihatannya tak ubah seperti gengster kelab malam.

Dia dipelawa minum arak bersamanya. Pada mulanya Aleeya Qistina menolak, namun setelah dia dicabar, dia menyahut cabaran itu.

Sewaktu arak sedang diteguk, tiba-tiba dia ditegur sang lelaki tadi. "Cuba kau lihat, air apa yang kau minum?" Alangkah terkejutnya dia, rupanya dia sedang meneguk air najis dan nanah yang busuk. Gelas tadi terus terhempas ke lantai. Alangkah bertambah kagetnya, Dia melihat suasana di kelab malam tadi berubah .

Banyak makhluk bertanduk, hodoh, dan mengerikan sedang menjilat makanan disitu. Semua makanan telah bertukar menjadi najis serta merta. Pengunjung kelab malam yang lain leka menari, tapi wajah mereka berubah sangat buruk dan bertanduk. Aleeya Qistina sangat takut.

Dan apa yang anehnya, lelaki tadi tidak ada sedikitpun perasaan takut dan pelik, seolah-olah dia mengetahui apa yang dilihatnya. Soalan pertama dia ajukan, kau kenal ke siapa diri kau? Berlakulah dialog dan pesan yang diluar jangkaan.

Siapakah lelaki itu? Bagaimana situasi yang dia dan lelaki tadi lalui di dalam disko tadi? Dia bukan bermimpi atau pengsan, tetapi adakah hijabnya dibuka oleh Allah? . .

"Eh, kenapa dah lama kak tak balik?"



“Ha?” Aku tak pernah pun sampai sini?, bagaimana mereka Begitu mengenaliku? Apakah dimensi dua masa yang Qistina lalui?

Adakah dia mendahului terowong masa depan atau bergerak ke belakang? Lelaki yang tidak mempunyai kelopak mata, yang dijumpai bersama anaknya di terowong kecil berbicara di Negeri derita, apakah pesannya?

Apakah kesudahan kehidupan Aleeya Qistina, setelah sepanjang perjalanan bertemu dengan Iqlima Salsabilla, menemui pelbagai perkara misteri sehingga mengubah paradigma dirinya tentang hidupnya sekian lama. Masihkah dia ingin meneruskan niatnya murtad? Apa yang dia temui sebenarnya?

# Simbiosis Cerita

Muzik dan nyayian semakin keras. Lampu berkelip-kelip bertukar warna. Asap, Alkohol bercampur semua. Suasana rancak dengan hiruk pikuk muzik yang kuat, langsung tidak menenggelamkan suara lelaki tadi. Aku agak hairan melihatnya.

Dia masih memandang tepat ke arah aku, dan dengan senyuman, dia memulakan perbualan.

“ Jom minum, aku belanja..”

“Hah?”

Aku agak terkejut dengan ayat pertamanya. Mungkin lelaki ini, cuba nak mengayat.

“ Minum ? Minum apa ? .. ”

Aku menjawab pertanyaan dia dengan sedikit rasa segan.

“Tak kan nak minum air teh ais kan, sini mana ada .. mestilah minum *wain* kat sini.. Ha, cuba kau tengok kat sana tu .. kau pilih ja nak yang mana .. aku belanja ..”

Sambil tangannya menunjukkan arah botol-botol arak yang masih tersusun. Aku memandang dalam keadaan yang masih terpinga-pinga.

“Er .. aku tak tahu .. nak pilih yang mana satu, ..”

*TEASER Novel Mengintai Aku Di Neraka*

Dari Penulis Best Seller Hadi Fayyadh

*Semusim di Barzakh/Ketika Azazil Berputus Asa dan Semusim Di Mahsyar*

Terketar-ketar aku membalas pelawaannya.

“ Laahh .. kau ambik ja yang mana kau nak .. Kan aku dah cakap, aku bayarkan .. ”

Tegas lelaki tadi memaksa.

“ Bukan begitu, .. hmm ...

Adakah perlu aku berterus terang ya ?”

Aku masih tertanya-tanya, perlukah aku menyatakan hal sebenar kepada lelaki ini. Aku sebenarnya tidak pernah sentuh apatah lagi nak minum air haram ini.

“ Haaa.. Nah, cuba kau rasa perisa ni .. *Wain* ni sedap ..., terbaik .. ..”

Satu botol besar diletakkan di hadapan aku. Terasa seperti tidak percaya.

“ *Wain* ni, paling mahal kat sini, cubalah .. aku tau kau mesti tak pernah rasa wain ni ..”

Aku mendiamkan diri, kerna masih keliru. Aku tidak kenal siapa lelaki ini. Dia hadir tanpa pernah aku duga. Selama aku tinggal disini, aku tak pernah pun nampak kelibat dia.

“ Laa.., apa yang kau menungkan lagi .. Marilah minum sekali ...”

Tangannya sedang membuka penutup botol arak.

“ Ish, dia ni ...”

Aku hanya membiarkan sahaja gelagatnya diperlakukan begitu kepadaku.

“Malam ni kan kehidupan baru kau, apa yang kau menungkan lagi .. Jomlah berpesta .. lupakan segalanya . Lupakan Tuhan dan masalah yang kau terbeban selama ni ..”

“ Hah .. bagaimana dia tahu ? ”

“ Siapa dia ni ..?”

Segelas air arak telah pun dituangkan dan tersedia untuk diminum. Aku masih ragu-ragu untuk minum.

“Jangan kau berfikir panjang, minum dulu nanti fikir .. ingat balik segala masalah yang kau alami .. inilah masanya untuk kau buktikan ...”

Lelaki tadi kelihatan cuba memberi semangat.

“ Kau akan lupakan semuanya, dan kau akan bina hidup baru yang lebih bahagia ..”

Lelaki tadi terus dengan kata-katanya. Aku bingung, muzik terlalu kuat, namun tidak sesekali menenggelamkan suaranya.

“Kau siapa sebenarnya?”

“Kau kenal aku ke ? ” Macamana kau tahu tentang kisah hidupku ..?

Aku memberanikan diri untuk bertanya.

“Sudah, kita akan berkenalan selepas kau minum dulu.., perkenalan kita akan lebih indah nanti .. cepat lah..!!!”

*TEASER Novel Mengintai Aku Di Neraka*

*Dari Penulis Best Seller Hadi Fayyadh*

*Semusim di Barzakh/Ketika Azazel Berputus Asa dan Semusim Di Mahsyar*

Dia menyerahkan segelas arak kepadaku.

“Cherr”

Gelas aku dan gelasny di lagakan.

Namun, Kelihatannya dia sedang menunggu aku yang terlebih dahulu meneguk arak ini. Tanpa berbicara, aku terus mengangkat gelas tadi dan meletakkannya di bibirku. Sambil mataku memerhatikannya, secara spontan tiba-tiba dia menegur sesuatu.

“Cuba kau lihat apa yang ada di dalam gelas?”

Tanpa bicara panjang, aku terus melihat, dan ternyata arak tadi bertukar menjadi air yang sangat busuk. Ada ulat, nanah, darah dan najis pekat di dalamnya.

Tanpa sengaja aku terlepas daripada memegang gelas tadi, lalu jatuh berkecai ke lantai. Aku muntah berkali-kali di situ. Kerongkongku bagai disapu rasa loya yang teruk. Mukaku jadi merah padam. Seperti segala apa yang ada di perut bagai keluar semula.

Aku longlai. Aku letih.

Lelaki tadi hanya memandang. Dia tersenyum lalu berkata.

“ Kenapa kau tidak minum sahaja air tadi ? Aku terdiam lagi.

Mataku ligat memerhatikan keadaan sekeliling. Alangkah terkejutnya aku semua yang ada disitu berubah wajah. Ada yang bertanduk dan bertaring.

Makanan disitu semuanya bertukar menjadi najis. Pelayan 'Pub' juga bertukar pakaian dan wajah.

Suasana menjadi ngeri. Aku mahu menjerit. Lelaki tadi memegang bahu, sambil jarinya diletakkan hampir di mulut. Nampak seperti dia cuba menenangkanku. Aku masih dalam keadaan ketakutan. Lalu, aku mula berdiri.

"Kau tak akan ke mana-mana, kau akan tetap disini"  
Lelaki tadi tiba-tiba berkata.

Apa yang diperbualkan antara mereka? Apa sebenarnya yang terjadi ?

\*\*\*\*\*

Kami berhenti di hadapan pintu sebuah bilik. Lelaki itu kelihatannya seperti mahu tinggalkan aku.

"Ke mana kau nak pergi ?, Kenapa kau tidak bawa aku sekali ikut kau ..?"

Aku mula bersuara.

"Aku pergi tidaklah jauh, hanya sebentar .. Kau jangan bimbang, aku ada sahaja di sini .. Ini janji aku kepada kau"

Akhirnya aku mengangguk tanda setuju.

Dia berlalu meninggalkan aku seorang diri. Pintu bilik yang masih berkunci di hadapanku, tertutup rapat. Ada asap berkepul-kepul yang menyelubungi. Ia keluar perlahan-lahan, menyelinap dan memenuhi di segenap

penjuru ruang. Lampu disko berwarna merah melatari suasana yang tampak lebih suram.

Aku hanya memerhatikan, tanpa berkata apa-apa. Sungguh aku tidak tahu, mengapakah aku dibawa dan di tinggalkan disini. Aku masih bingung sebenarnya, masa berlalu bagai percikkan api yang menyambar.

Aku mengikut sahaja 'peraturan' yang berlaku di sini. Pertemuan yang tidak diduga, suasana *pub* yang bertukar serta merta membuatkan aku masih di dalam keadaan tidak percaya. Namun, kata-kata lelaki itu bagai panahan jiwa membuatkan aku jatuh cinta. Cinta untuk mendengar lagi buah nasihat dan kalam darinya.

Krekkk. Ekkkkkkkk..

Pintu bilik tadi terbuka dengan sendirinya. Aku tidak melihat apa-apa yang ada di dalamnya, melainkan asap tebal yang dibantu cahaya lampu merah. Kakiku seperti ditolak untuk bergerak ke hadapan.

Ada cahaya kecil sedang bernyala-nyala.

Ditelingaku bagai dibisikkan sesuatu.

"Pergilah ke sana, pergilah ...."

"Dekatkan diri kau ke situ .."

Suara yang dibisikkan ke telingaku itu halus dan lembut. Aku memandang kiri dan kanan, tiada siapapun yang ada di sekeliling. Meremang dan seram tidak usah lagi diceritakan.

Aku berjalan semakin mendekat. Cahayanya aneh, kelihatannya seperti api berwarna biru yang bernyalanya. Apinya tidak pernah aku lihat sebelum ini. Ia bagai menari-nari diatas sesuatu.

Tiba-tiba, cahaya tadi hilang. Bilik itu menjadi gelap dengan serta merta. Aku mula panik.

“Ya Allah, kenapa ni ..?”

“Any body here ?”

“Hello .., any body here ..?”

Aku memanggil-manggil dengan suara yang cukup kuat. Namun, tiada siapa yang menyahut. Matakuliar di dalam gelap. Aku langsung mati akal. Tidak tahu lagi untuk berbuat apa-apa. Lalu, aku mengambil keputusan untuk duduk.

Aku pasrah, jika ada perkara yang tidak elok akan terjadi ke atas diriku. Aku mulai redha. Tangan digengam sekuat-kuatnya. Pemikiran aku berkecamuk. Namun, disaat ini aku hanya mampu berdoa kepada Tuhan, agar aku diselamatkan.

Dalam keresahan dan kegelisahan, aku melihat ada cahaya yang sedang berselindung di sebalik tabir, kemudian cahaya itu menjadi terang benderang sebesar layar perak di pawagam. Aku bagai dibentangkan sebuah tontonan.

“Huuu ... huuuuu ... huuuuuu...”



Suatu tangisan kecil kedengaran. Aku tercari-cari dari manakah datangnya suara itu tadi. Semakin kuat ia menangis. Aku keliru, dan bingung. Wajahku berkerut.

“Dari mana suara tangisan ini ya ?”

Aku bertanya sendiri.

Tiba-tiba, mataku terpaku kepada sesuatu.

Cahaya yang membentuk seperti layar yang lebar itu sedang memperlihatkan seorang wanita yang berpakaian solat sedang menangis.

Cahaya lebar? Wanita menangis ? Aneh? Siapakah wanita itu yang tiba-tiba hadir di hadapannya?

\*\*\*\*\*

“Assalamualaikum .. err.. cik cari apa kat sini ?”

“Walaikumsalam .. er, saya cari sebuah rumah kat sini .. saya tak ingat pula jalan nak ke sana ..”

“Rumah, mana ada cik .. Kat dalam tu semak samun ja, hutan belukar .. “

“Eh, betullah, saya tak tipu ...”

“Takpe lah kalau cik tak nak percayakan saya ..”

Seorang lelaki berkain sarung pelikat, berbaju Melayu lusuh berwarna biru, kelihatan seperti seorang pengembala lembu, melihatku dengan penuh kehairanan. Apatah lagi aku cuba menyangkal apa yang dikatakannya.

Dia berlalu pergi tanpa berkata apa-apa lagi. Lembu-lembu yang di bawanya pergi bersama-samanya.

“Memang di sinilah lokasinya, aku tak kan pernah silap .. ya betul .. tak pa .. tentu nenek dengan Arissa ada kat dalam ..”

Hutan belukar yang dipenuhi dengan semak cuba diredah, namun aku tak sanggup lagi masuk ke dalam kerana rasanya sudah terlalu jauh. Jadinya, aku berpatah balik dan kembali semula ke kereta.

“Nenek, Arissa .. ke mana kalian berdua pergi ?.

Agak lama aku menanti disitu, namun tidak ada apa-apa petanda pun yang memang pernah wujud rumah dikawasan yang dimaksudkan. Jadi, aku mengambil keputusan untuk pergi ke kelab malam yang menjadi titik kejadian aneh dalam hidupku.

**Apakah Aleeya menemui jawapannya ? Jom ketahui pelbagai misteri yang pasti menggugah jiwa di dalam Novel Mengintai Aku di Neraka.**

## DAPATKAN INFO DAN PROMOSI:



*[facebook.com/HadiFayyadhProduct](https://facebook.com/HadiFayyadhProduct)*



*[instagram.com/hadi\\_fayyadh](https://instagram.com/hadi_fayyadh)*



*[instagram.com/aizatrohizat](https://instagram.com/aizatrohizat)*



*[instagram.com/hadifayyadhproduction](https://instagram.com/hadifayyadhproduction)*



*[twitter.com/mengintaiakudineraka](https://twitter.com/mengintaiakudineraka)*



*[www.hadifayyadh.com](http://www.hadifayyadh.com)*

JOM JADI DROPSHIP  
**NOVEL BEST SELLER**  
**Hadi Fayyadh!**



Lebih daripada  
**80,000**  
unit terjual



Lebih daripada  
**85,000**  
unit terjual



Lebih daripada  
**130,000**  
unit terjual

# JOM JADI DROPSHIP BEST SELLER

MASIH Mencari-Cari  
PRODUK UNTUK  
MEMULAKAN BISNESS  
ONLINE???

**KAMI SEDANG BUKA  
PELUANG UNTUK ANDA!**



**DROPSHIP  
DIPERLUKAN**

*Anda berminat bisnes online?*



*Anda berminat mencari side income?*



*Anda tiada modal untuk memulakan bisnes?*



*Anda tiada banyak masa untuk kerja part time?*



*Anda hendak kerja senang tapi tak nak susah?*



**“ Berapa banyak anda ingin untung, terpujang kepada usaha anda.. Kalo nak untung banyak, usaha banyak.. Kalo nak untung serdehana, usaha serdehana.. Kalau nak untung sikit, buat ala kadar jer la..**

**PILIHAN DI TANGAN ANDA.. “**

**UNTUNG KE JADI  
DROPSHIP INI ADMIN?  
Sangat beruntung?**

*Korang bukan sahaja dapat komisen  
tetapi juga dapat ilmu*

- ♥ *Anda tidak perlu bayar yuran dropship*
- ♥ *Anda tidak perlu modal*
- ♥ *Anda tidak perlu banyak masa*
- ♥ *Anda tidak perlu beli stok*
- ♥ *Anda tidak perlu pos barang*
- ♥ *Anda tidak perlu bayar untuk menjadi agen..*
- ♥ *Anda tidak perlu Susah-susah...*

**WHATSAPP SEKARANG: +0166950449**

# PERSIS SINOPSIS

*Aleeya Qistina, mengambil keputusan untuk membunuh diri dan terjun di atas tebing nan tinggi, sebagai protes terhadap cintanya yang kecuang. Namun, dia menemui kegagalan kerana ada sesuatu yang menggagunya saat itu. Apakah yang menggagunya dan kisah dibaliknya?*

*Maka, dia mengambil keputusan untuk Murtad daripada agama Islam, dan mulai hidup dengan budaya barat. Suatu ketika, dia mengambil keputusan untuk menjadikan kelab malam dan disko sebagai kiblatnya.*

*Ketika malam pertama dia mengunjunginya, dia disapa oleh seorang lelaki yang melecur separuh badan, dan kelihatannya tak ubah seperti gengster kelab malam.*

*Dia dipelawa minum arak bersamanya. Pada mulanya Aleeya Qistina menolak, namun setelah dia dicabar, dia menyahut cabaran itu.*

*Sewaktu arak sedang diteguk, tiba-tiba dia ditegur sang lelaki tadi.*

*"Cuba kau lihat, air apa yang kau minum?"*

*Alangkah terkejutnya dia, rupanya dia sedang meneguk air najis dan nanah yang busuk. Gelas tadi terus terhempas ke lantai. Alangkah bertambah kagetnya, Dia melihat suasana di kelab malam tadi berubah .*

*Banyak makhluk bertanduk, hodoh, dan mengerikan sedang menjilat makanan disitu. Semua makanan telah bertukar menjadi najis serta merta. Pengunjung kelab malam yang lain leka menari, tapi wajah mereka berubah sangat buruk dan bertanduk. Aleeya Qistina terus takut.*

*Dan apa yang anehnya, lelaki tadi tidak ada sedikitpun perasaan takut dan pelik, seolah-olah dia mengetahui apa yang dilihatnya.*

*Soalan pertama dia ajukan, kau kenal ke siapa diri kau? Berlakulah dialog dan pesan yang diluar jangkaan.*

*Siapakah lelaki itu? Bagaimana situasi yang dia dan lelaki tadi lalui di dalam disko tadi? Dia bukan bermimpi atau pengsan, tetapi adakah hijabnya dibuka oleh Allah? .*

*"Eh, kenapa dah lama kak tak balik?"*

*"Ha? Aku tak pernah pun sampai sini?, macamana mereka Begitu mengenaliku?" Apakah dimensi duo masa yang Qistina lalui? Apakah dia mendahului terowong masa depannya?*